



**SIARAN AKHBAR**  
**PELAN PERNIAGAAN STRATEGIK MASA DEPAN HSBC**

---

1. Pada hari Selasa, 5 April 2016, HSBC Brunei telah membuat pengumuman mengenai dengan pelan perniagaan strategik masa depannya di Negara Brunei Darussalam. Laporan penuh mengenainya boleh didapati di laman web HSBC Brunei, <http://www.hsbc.com.bn>
2. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin mengesahkan bahawa pihak HSBC Brunei telah memaklumkan AMBD mengenainya, dan pihak AMBD sedang berkerjasama dengan pihak HSBC Brunei dalam memastikan para pelanggan dan kakitangannya akan sentiasa dimaklumkan dengan perkembangan dan rancangan HSBC Brunei dari masa ke semasa. Keputusan HSBC adalah merupakan sebahagian daripada strategi globalnya untuk memberikan fokus terhadap operasi perniagaan yang besar dan bukannya disebabkan oleh persekitaran ekonomi di Negara ini. HSBC telah menjual atau menutup operasi perniagaan di 83 buah negara sejak tahun 2011, termasuk penjualan operasi perniagaannya di Brazil pada tahun lepas.
3. Walau bagaimanapun, prestasi kewangan HSBC Brunei adalah kukuh dan memuaskan dengan merekodkan peningkatan keuntungan sebanyak 11.4% iaitu daripada BND25.7 juta pada tahun 2014 kepada BND28.7 juta pada tahun 2015.
4. AMBD akan terus berkerjasama dengan pihak HSBC Brunei dalam memastikan bahawa gangguan kepada para pelanggan, kakitangan, sektor kewangan, dan ekonomi Negara Brunei Darussalam adalah pada tahap minimum.
5. Untuk maklumat lanjut, pelanggan HSBC Brunei bolehlah menghubungi 2252252 atau mengunjungi cawangan HSBC Brunei masing-masing.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**  
Tarikh : 28 Jamadilakhir 1437 / 6 April 2016  
Rujukan : AMBD/COMMS/2016/3